



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**KEJAYAAN NAHRIM DI  
THE EUROPEAN AWARDS FOR BEST PRACTICES 2018  
BRUSSELS, BELGIUM**

**21 MEI 2018**

---

1. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) amat berbangga kerana Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah merangkul Anugerah “Gold Award” di *The European Awards for Best Practices 2018* di Brussels, Belgium yang berlangsung pada 12 Mei 2018.
2. Ia merupakan anugerah tahunan berprestij yang diberikan kepada organisasi, syarikat, perkhidmatan awam dan individu yang telah mempamerkan komitmen, sokongan dan usaha berterusan yang cemerlang ke arah penambahbaikan pencapaian dalam pengurusan berkualiti dari Negara – Negara Eropah, Asia, Amerika, Africa dan Australia.
3. *The European Society for Quality Research (ESQR)* merupakan sebuah organisasi yang beribu pejabat di Lausanne, Switzerland yang terlibat dalam hal-hal pengiktirafan teknik penambahbaikan kualiti, penyelidikan dan pengurusan pentadbiran. ESQR memberi galakan dalam peningkatan kualiti di dalam aktiviti, pasaran global dan promosi.
4. Penganugerahan ini bukan sahaja menjadi satu kebanggaan kepada NAHRIM tetapi juga kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar khususnya dan Malaysia secara amnya. Selain itu, kehadiran ke majlis berprestij ini juga merupakan satu platform terbaik bagi NAHRIM untuk menjalin hubungan

strategik antarabangsa dengan pelbagai pihak dalam bidang industri, perniagaan dan akademik di peringkat global.

Untuk makluman lanjut

1. Datuk Ir. Dr. Azuhan bin Mohamed  
Ketua Pengarah  
Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)  
Tel: 603 8947 6400 samb. 6599  
e-mel: azuhan@nahrim.gov.my
2. Audrey May Sebastian  
Ketua Komunikasi Korporat  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  
Tel: 03 – 8886 1790  
emel:- audrey@nre.gov.my



Datuk Ir. Dr. Azuhan Mohamed, Ketua Pengarah NAHRIM menerima Anugerah “Gold Award” di *The European Awards for Best Practices 2018* di Brussels, Belgium